

Headline	Potensi besar pelancongan muslim		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	782 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,374
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,122

#### INFO

© Untuk maklumat lanjut mengenai pakej TH Travel, layari [www.thts.com.my](http://www.thts.com.my) atau [www.facebook.com/pages/TH-Travel-Services-Sdn-Bhd](https://www.facebook.com/pages/TH-Travel-Services-Sdn-Bhd) dan [www.twitter.com/THTStweet](https://www.twitter.com/THTStweet)



Makanan halal dan kemudahan beribadat antara **sebab pelancong beragama Islam memilih Pakej Pelancongan Muslim.**



Headline	Potensi besar pelancongan muslim		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	782 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,374
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,122

**P**engurusan haji dan tabung adalah sinonim dengan Lembaga Tabung Haji (TH) dan masih menjadi aktiviti terasnya. Penjenamaan ini kukuh terpahat dalam minda rakyat Malaysia khususnya umat Islam di negara ini. Selepas mencecah usia 50 tahun kematangan, TH membuktikan kelestariannya dalam menjadi tunggak memperkasakan ekonomi ummah melalui pelbagai cabang aktiviti ekonomi yang diceburi.

Sektor pelancongan adalah antara cabang aktiviti pelaburannya. Pembabitan TH dalam sektor ini bukan sesuatu yang baharu. TH melalui anak syarikatnya, TH Travel & Services Sdn Bhd (TH Travel) yang ditubuhkan pada 1972, mengendalikan dan menguruskan perkhidmatan Haji dan Umrah serta Pakej Pelancongan Muslim.

Berbekalkan pengalaman lebih 42 tahun, TH Travel memahami kehendak pelanggan dengan menyediakan pelbagai pakej interaktif bagi memenuhi keperluan pelbagai peringkat masyarakat.

TH Travel juga sentiasa mematuhi semua peraturan ditetapkan Kerajaan Malaysia serta negara dikunjungi, demi kepentingan dan kebaikan pelanggan.

#### Promosi terkini

Sejajar kehendak pasaran semasa, TH Travel sejak dua tahun lalu giat memperkenalkan dan menawarkan Pakej Pelancongan Muslim. Sektor pelancongan Muslim menjadi trend pelancongan berkumpulan dan keluarga terutama pada musim cuti persekolahan.

TH Travel sedang menggiatkan usaha mempromosi pakej pelancongan pada musim cuti persekolahan yang akan datang. Ia turut menyasarkan peningkatan pertambahan 50 peratus jumlah pelancong Malaysia yang akan ke luar negara pada tahun ini berbanding tahun 2013.

Pada masa sama, TH Travel sedang mempromosi pakej Umrah 2014. Terdapat beberapa program dalam pakej Umrah pada tahun ini seperti Umrah Bersama Pembimbing Ibadat, Umrah Cinta Rasul, Umrah Ra-

madan, Umrah Musim Cuti Sekolah, Umrah Ziarah dan Umrah Baitulmaqdis.

Berlandaskan tagline - Ke mana sahaja destinasi anda ingin pergi, kami akan tunaikan permintaan anda, kerana kami adalah sumber inspirasi anda sedunia - TH Travel mengambil langkah strategik memperkenalkan serta memberi fokus kepada pakej Pelancongan Outbound, Domestik dan MICE.

Sehubungan itu, TH Travel turut mengadakan usaha sama strategik dengan TH Hotel & Residence Sdn Bhd (TH Hotel) bagi mempromosi Pakej MICE dan Inbound TH Travel.

Buat masa ini, usaha berkenaan dilaksanakan di lima lokasi TH Hotel iaitu TH Hotel Kelana Jaya, TH Hotel Pulau Pinang, TH Hotel Kota Kinabalu, TH Hotel & Convention Centre Alor Setar dan TH Hotel & Convention Centre Terengganu.

Pakej Pelancongan Outbound adalah pakej yang menawarkan pelancongan ke luar negara terutama di Asia, Eropah dan Timur Tengah. Di samping itu, TH Travel juga giat mempromosi pakej Inbound 2014 sebagai sokongan kepada kerajaan dalam industri pelancongan serta menyemarakkan lagi Tahun Melawat Malaysia 2014.

#### Pencapaian dan perancangan masa depan

Pelanggan TH Travel mencecah 4,000 orang pada tahun 2013 dan mensasarkan 8,000 pelanggan sehingga akhir 2014. Bagi mencapai sasaran itu, TH Travel menggiatkan usaha bagi mempromosi pakej pelancongan dan tidak melepaskan peluang menyertai karnival pelancongan di seluruh negara seperti MATTA FAIR, SMITF dan MASUM.

Menjelang lima hingga 10 tahun akan datang, TH Travel menasaskan untuk menjadi syarikat peneraju dalam Pakej Pelancongan Muslim ke seluruh dunia.

TH Travel melangkah maju ke hadapan dalam bidang pelancongan Muslim yang menjadi fenomena terkini di Malaysia.

Ramai rakyat Malaysia mem-

punyai kesedaran mengenai kepentingan Pakej Pelancongan Muslim yang mementingkan aspek halal dalam pengembaraan. Rakyat Malaysia lebih mudah dan yakin untuk ke luar negara kerana mereka tidak perlu bimbang status makanan halal dan kemudahan beribadat kerana itu adalah fokus utama yang dititikberatkan oleh pihak TH Travel.

Justeru, TH Travel dalam perancangan untuk mengadakan usaha sama strategik dengan syarikat korporat, koperasi dan institusi kewangan tempatan serta agensi pelancongan luar negara ke arah mengembangkan lagi perniagaannya.

#### Perkhidmatan halal dan patuh syariah

Berbekalkan pengalaman dan kematangan dalam mengendalikan pakej Haji dan Umrah, TH Travel memahami kehendak pelanggan bagi memastikan makanan disediakan di restoran dikunjungi di luar negara adalah halal dan mempunyai Sijil Halal dikeluarkan negara masing-masing.

Selain daripada menitikberatkan makanan halal, TH Travel juga menyediakan panduan dan kemudahan beribadat dengan membekalkan peralatan seperti sejadah dan kompas secara percuma kepada semua pelanggan.

Waktu solat pelanggan terjaga kerana TH Travel akan memberi ruang masa untuk beribadat di semua negara dikunjungi. Selain itu, TH Travel juga akan membawa pelanggan ke lokasi bersejarah dalam tamadun Islam selain masjid yang berada di sekitar kawasan dikunjungi.

Pakej Pelancongan Muslim yang ditawarkan TH Travel juga turut menarik perhatian pelanggan bukan Islam. Ini kerana, mereka sedar bahawa pakej berkenaan bukan hanya terletak pada makanan halal saja, malah meliputi semua aspek termasuk kebersihan dan keselesaan.

Justeru, TH Travel sentiasa memegang kepada prinsip 3K, iaitu Keselesaan, Kemudahan dan Keyakinan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggan.



Headline	Potensi besar pelancongan muslim		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	782 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,374
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,122



Headline	Potensi besar pelancongan muslim		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	782 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,374
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,122

#### INFO

© Untuk maklumat lanjut mengenai pakej TH Travel, layari [www.thts.com.my](http://www.thts.com.my) atau [www.facebook.com/pages/TH-Travel-Services-Sdn-Bhd](https://www.facebook.com/pages/TH-Travel-Services-Sdn-Bhd) dan [www.twitter.com/THTStweet](https://www.twitter.com/THTStweet)



Makanan halal dan kemudahan beribadat antara **sebab** pelancong beragama Islam memilih Pakej Pelancongan Muslim.